



SIARAN MEDIA
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**FI LESEN OPERASI GIMNASIUM DI WILAYAH PERSEKUTUAN
PUTRAJAYA DAN LABUAN PERKASA AGENDA BANDAR SIHAT**

Sejajar dengan pengumuman YB Hannah Yeoh, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) pada 3 Mac 2026 berkenaan kadar fi lesen operasi gimnasium di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ditetapkan pada RM10 bagi setiap meter persegi berbanding RM50 sebelum ini berkuat kuasa Januari 2026. Pengurangan sebanyak 80 peratus ini adalah hasil libat urus bersama pemain industri termasuk Persatuan Pengusaha Gimnasium Malaysia (PPGM).

Manakala bagi **Wilayah Persekutuan Putrajaya**, fi lesen operasi gimnasium ditetapkan pada kadar **RM5 bagi setiap meter persegi**. Penetapan kadar ini bertujuan merancakkan pertumbuhan industri kecergasan tempatan dan membuka lebih banyak peluang kepada masyarakat untuk mendapatkan akses kepada kemudahan senaman di gimnasium yang berkualiti pada harga berpatutan.

Wilayah Persekutuan Labuan pula, pengeluaran lesen gimnasium masih tertakluk di bawah peruntukan *Trade Licensing Ordinance (TLO)* dengan **kadar fi RM25 setahun** tanpa mengambil kira keluasan premis. Adalah dimaklumkan bahawa Undang-Undang Kecil Perniagaan yang menetapkan bayaran lesen berdasarkan keluasan premis hanya terpakai bagi perniagaan seperti kedai makan, salun dan dobi di Labuan, dan tidak melibatkan operasi gimnasium.

Langkah penetapan kadar fi yang rendah di Wilayah Persekutuan ini selari dengan keperluan kesihatan awam yang semakin mendesak. Kes penyakit tidak berjangkit seperti obesiti, diabetes dan tekanan darah tinggi terus menunjukkan trend membimbangkan khususnya di kawasan bandar yang berdepan gaya hidup kurang aktif serta kekangan masa untuk melakukan aktiviti fizikal secara konsisten.

Kedudukan ini menunjukkan beban kesihatan awam yang lebih tertumpu di kawasan metropolitan dan pentadbiran Persekutuan, sekali gus menuntut pendekatan dasar yang lebih responsif dan bersasar di peringkat bandar.

Inisiatif ini menyokong secara langsung Agenda Bandar Sihat dengan memperkukuh ekosistem bandar yang lebih aktif, inklusif dan mesra komuniti. Kerajaan MADANI percaya bahawa pendekatan insentif yang bersasar, digabungkan dengan kerjasama strategik bersama pemain industri, mampu meningkatkan tahap kesihatan rakyat secara menyeluruh serta mengurangkan beban penyakit tidak berjangkit dalam jangka panjang.

Disediakan oleh:
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN
5 MAC 2026

